

Resipi makanan kegemaran empat PM dibuku

UM- 27/6/2009

KUALA LUMPUR 26 Jun – Sebuah buku yang menyoroti rutin empat bekas Perdana Menteri dari aspek pemakanan peribadi, keraian bersama keluarga, sahabat handai serta tetamu negara akan berada di pasaran November ini.

Buku bertajuk *Selera Perdana* itu dilengkapi pelbagai foto selain koleksi resipi yang pernah disajikan dalam hidangan harian dan majlis-majlis semasa kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Buku berharga RM200 itu mengandungi koleksi resipi penyelia kediaman keempat-empat pemimpin itu iaitu Safiah Mahmood atau Kak Orkid manakala penulisnya ialah Fadillah Yakin dan Datin Habibah Yahaya.

Penaung projek *Selera Perdana* yang juga bekas menteri wanita pertama negara, Tun Fatimah Hashim berkata, idea

menerbitkan buku setebal 350 muka surat itu bagi memberi pendedahan kepada pembaca corak pemakanan dan kehidupan yang dilalui seharian oleh bekas-bekas Perdana Menteri.

“Selain itu, hasil jualan buku itu akan digunakan untuk mengumpul dana membuka dapur latihan bagi anak-anak yatim dan membantu ibu tunggal dari segi pendidikan anak-anak mereka,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran projek penerbitan buku *Selera Perdana*.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil melancarkan projek itu serta menghulurkan sumbangan RM50,000 bagi pihak kementerian dan Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai bagi menjayakannya.

Shahrizat percaya daripada buku itu, pembaca dapat mengetahui makanan yang sering diambil pemimpin negara dalam mengekalkan kesihatan mereka.

“Selalunya, apa yang kita makan menentukan cara kita hidup, justeru itu, pembaca boleh memperoleh panduan untuk sentiasa sihat dan cergas mengikut gaya empat bekas Perdana Menteri berkenaan,” katanya.

Sementara itu, menurut Safiah yang berpengalaman selama 20 tahun bekerja di kediaman empat pemimpin tersebut, setiap Perdana Menteri mempunyai selera pemakanan yang berbeza.

Jelasnya, Tunku Abdul Rahman lebih senang menumbuk sendiri sambal belacan dan dihidangkan terus di dalam lesung batu selain makanan barat seperti Rose Beef manakala Tun Abdul Razak menggemari ikan patin masak tempoyak dan ikan kembung goreng.

“Tun Hussein pula gemar nasi Pilau dan perlu disajikan hidangan dengan penataan yang formal manakala Tun Mahathir tidak suka makan ikan kecuali ikan kering dan sashimi,” katanya.